

'Kita akan kerja bersama'

KUALA LUMPUR, 24 Jun - Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, yang terus memperkukuh kedudukannya dalam parti politik kaum India terbesar dalam negara, mengisytiharkan bahawa semua calon yang bertanding dalam pemilihan parti yang berakhir hari ini akan bekerjasama sambil mengutamakan parti daripada diri sendiri.

"Saya jangka segala dakwaan dan kempen akan berakhir malam ini. Esok segar semula ... kita akan bekerja bersama untuk parti. Mereka (calon) akan meletakkan parti di hadapan tanpa kepentingan peribadi," katanya kepada pemberita selepas pemilihan MIC di perhimpunan agung tahunan ke-60 parti itu selama dua hari bermula di sini hari ini.

Pada pemilihan itu, semua calon "pilihan" presiden, kecuali dua, memenangi jawatan yang ditandingi masing-masing.

Bagi jawatan timbalan presiden, naib presiden empat penggal Datuk G. Palanivel menewaskan penyandang lama Datuk S. Subra-

maniam untuk meraih jawatan no. 2 itu dengan majoriti undi meyakinkan 438.

Bagi naib presiden, kesemua calon pilihan Samy Vellu menang. Mereka ialah Datuk S. Sothinathan, Datuk S. Veerasingam dan Tan Sri K.S. Nijhar.

Daripada sejumlah 23 anggota jawatankuasa kerja pusat (CWC) yang diletakkan oleh presiden parti, hanya dua yang tewas. Seramai 51 calon bertanding untuk 23 kerusi itu.

Mengenai pertambahan anggota wanita dalam CWC, beliau berkata "kuasa wanita" dalam parti itu telah memungkinan ini.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Palanivel dan tiga naib presiden serta, 23 anggota CWC.

Ditanya mengenai masa depan politik Subramaniam, Samy Vellu berkata tidak banyak dapat beliau katakan oleh kerana bekas timbalannya yang memegang lama jawatan itu kini hanya seorang anggota biasa dan ketua bahagian Seputeh.

-Bernama